

berita artis

'Kak Lilian' gamatkan Sedia, Mula, Masak!



Louisa Chong menceritakan program Sedia, Mula, Masak!

Oleh: ASHRAF MANAF
Foto: IHSAN AMBANG
ENTERTAINMENT

ADAKAH anda sudah bersedia dengan cabaran terbaru yang akan dibawakan dalam Sedia Mula Masak? Sedia Mula Masak adalah sebuah program masakan istimewa yang menemui penonton setiap Ahad jam 4.30 petang bermula 29 Oktober lalu menerusi saluran RTM 2.

Program sebanyak 13 episod terbitan bersama Ciku Media Sdn

Bhd akan menemui penonton selama setengah jam. Sedia, Mula, Masak dihoskan oleh pengacara, pelawak dan pelakon Louisa Chong yang satu ketika dulu pernah popular dengan watak Kak Lilian dalam sitkom Puteri.

"Saya bangga menjadi pengacara untuk program ini. Apa yang paling penting saya perlu aktif dan banyak bercakap untuk menghidupkan suasana," ujar Louisa dengan perasaan gembira.

Rancangan ini diambil daripada sebuah rancangan masakan popular Ready, Steady,

Cook yang diterbitkan oleh Endemol, United Kingdom.

Sejak diperkenalkan pada tahun 1994, rancangan ini terus berkembang meluas sehingga ke Eropah, Australia, Itali, Kanada serta beberapa negara lain. Malaysia pula menjadi negara pertama di Asia yang mengambil konsep program berkenaan.

"Bukan sekadar sebuah program masakan biasa, penonton di rumah juga berpeluang melihat pertarungan dua kumpulan yang terdiri daripada seorang selebriti chef dan peserta biasa," tambahnya.

Selain menyaksikan peserta memasak, penonton juga pasti akan terhibur dengan gelagat hos dan peserta yang mencuit hati. Ia bukan sekadar sebuah rancangan masakan biasa kerana aksi-aksi lucu akan menjadi penyeri kepada program tersebut.

Setiap minggu dua kumpulan akan bertanding mewakili kumpulan Cili Hijau dan Tomato Merah. Seorang wakil kumpulan akan membeli-belah keperluan untuk masakan di pasaraya Tesco yang terkenal dengan barangan pada harga berpatutan dan berkualiti.

Mereka hanya dibenarkan membeli bahan masakan yang

tidak lebih daripada RM20. Setelah itu, cabaran memasak pula bermula untuk Chef dan peserta menonjolkan kemahiran memasak mereka.

Bagaimanapun, mereka hanya diberikan selama 20 minit saja untuk memasak beberapa jenis masakan. Banyak aksi menarik, mencuit hati serta lucu berlaku sepanjang program ini.

Terutamanya melihat gelagat chef terkenal tanah air seperti Chef Ismail, Chef Sobri Mat Noor, Chef Azrah Kamala Shashi, Chef Florence Tan, Chef Mavin Yong dan Chef Norzailina Nordin yang bertungkus lumus menyediakan menu yang pastinya menyelerakan.

Sementara Louisa akan melihat hasil masakan tadi, chef-chef pula akan sibuk menurunkan rahsia resipi masakan mereka kepada penonton di rumah.

Pengadil pula terdiri daripada penonton di studio. Pemenang akan ditentukan oleh penonton. Mereka hanya akan mengangkat kad yang mewakili kumpulan yang dipilih.

Pemenang untuk setiap minggu akan memenangi boucher Tesco Store Malaysia Sdn Bhd bernilai RM 100 yang merupakan penaja rancangan ini. Penaja-penaja lain ialah Electrolux, House of Presentation, La Gourmet dan Ms. Read.

Profil Louisa Chong

* Mula terbabit dalam dunia seni pada tahun 1989 menerusi komedi bersiri 2+1. Louisa memegang watak Dr Maggie Ong selama 3 tahun. Drama komedi berkenaan berjaya memuncakkan namanya di persada seni.

* Dia kemudian mula mendapat tawaran demi tawaran dan sudah berlakon sebanyak 150 drama di RTM 1, RTM 2, TV3 dan Astro hingga kini.

* Penampilannya terbaharu adalah menerusi drama Klasik di RTM 1. Selain itu, Louisa turut mengendalikan program Inggeris di RTM 2, Eat Your Heart Out.

* Selain itu beliau juga aktif sebagai pengerusi majlis untuk majlis makan malam dan sebagainya.



Para penonton di beri tanggungjawab sebagai juri di dalam program ini



Louisa masih sempat menyakat peserta yang mengambil bahagian



Chef Florence merasa makanan yang telah disediakan



Saya puas dengan program ini - Louisa



Louisa dan Chef Ismail turut membantu para peserta



Pelbagai tips diberikan oleh Chef Ismail kepada peserta